

**AMALAN PENGURUSAN KERJA DAN KEHIDUPAN
DALAM KALANGAN KOMUNITI *COPRENEURSHIP*
DI PULAU MABUL, SABAH**

KAMSIAH BINTI MABALOH

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SASTERA**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2019**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **AMALAN PENGURUSAN KERJA DAN KEHIDUPAN DALAM KALANGAN KOMUNITI *COPRENEURSHIP* DI PULAU MABUL, SABAH**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA SASTERA (HUBUNGAN INDUSTRI)**

Saya **Kamsiah Binti Mabaloh**, Sesi **2015-2019**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

.....
KAMSI AH BINTI MABALOH
MA1521011T

Tarikh : 10/4/2019

Disahkan Oleh,

NURAZLYNNE MOHD. JOHAN @ JAKLYNE
PUSTAKAWAN
.....
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
(Tandatangan Pustakawan)

.....
(Prof. Madya. Dr. Dzurizah Ibrahim)
Penyelia

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

10 APRIL 2019



.....
KAMSAH BINTI MABALOH

MA1521011T



PENGESAHAN

NAMA : **KAMSIAH BINTI MABALOH**

NO. MATRIK : **MA1521011T**

TAJUK : **AMALAN PENGURUSAN KERJA DAN KEHIDUPAN
DALAM KALANGAN *COPRENEURSHIP* DI PULAU
MABUL, SABAH**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA (HUBUNGAN INDUSTRI)**

TARIKH VIVA : **29 JANUARI 2019**

DISAHKAN OLEH

PENYELIA

Tandatangan

PROF. MADYA DR. DZURIZAH IBRAHIM



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah SWT yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang kerana dengan izin-Nya tesis penyelidikan sarjana ini dapat disiapkan dengan jayanya. Segala usaha dan semangat sekeliling menjadi titik tolak membantu saya menyempurnakan penyelidikan ini.

Saya ingin mengucapkan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada kedua orang tua yang saya cintai bapa tercinta Mabaloh Bin Im Tokoh dan ibu saya Azlannah Binti Abu Hamsin yang banyak membantu saya untuk tetap terus menjalankan amanat dan amanah ini. Tidak lupa juga kepada sahabat saya iaitu Norhidayah, Nur Aziyan, Ziana atas semangat setiakawan yang kerap memberi suntikan semangat meneruskan perjuangan ini.

Ingin saya ajukan sekalung penghargaan dan jutaan ucapan terima kasih kepada Profesor Madya Dr Dzurizah Ibrahim selaku penyelia yang sanggup meluangkan masa memberi bimbingan, tunjuk ajar dan panduan sangat bermakna bagi menyempurnakan dan memperhalusi penyelidikan ini. Semoga Allah memberkati segala jasa baik untuk setiap perjalanan, langkah beliau baik dari segi dunia dan akhirat. Saya turut merakamkan sekalung penghargaan atas sumbangan kewangan diberikan daripada pihak UMS iaitu Skim Geran Bantuan Penyelidikan Pascasiswazah (UMSGreat) Kod Saga: GUG0082-SS-2/2016 yang membantu memudahkan perjalanan penyelidikan ini. Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada pengurusan Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan dan semua pensyarah khususnya pensyarah Hubungan Industri.

Akhir kata, ingin saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Jasa kalian amat saya hargai dan hanya Allah SWT yang mampu membalasnya. Segala yang baik itu adalah kurniaan Allah Azza Wajala dan yang buruk itu daripada kelemahan saya sendiri. Dengan rasa rendah diri. Allahumma yassir wala tu assir.

Sekian, Terima Kasih.

KAMSAIAH BINTI MABALOH

1 APRIL 2019



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan pengurusan kerja dan kehidupan dalam kalangan komuniti *copreneurship* di Pulau Mabul, Sabah. *Copreneurship* merupakan perniagaan suami dan isteri yang berkongsi tanggungjawab, komitmen dan matlamat bersama-sama. Lazimnya, *copreneurship* bertujuan untuk mencari keseimbangan antara tanggungjawab kerjaya dan kehidupan, namun mereka turut berdepan konflik kerja-kehidupan apabila menghadapi kesukaran dalam mengendalikan perniagaan dan tanggungjawab keluarga sepanjang menjalankan perniagaan bersama. Hal ini kerana perniagaan *copreneurship* melibatkan lingkaran peribadi kehidupan yang bertindan antara peranan menunaikan tanggungjawab domain pekerjaan dan tanggungjawab keluarga. Justeru, sejauhmana peranan wanita dan lelaki *copreneurs* berkenaan isu kerja dan kehidupan berbeza masih menjadi persoalan. Oleh itu, kajian ini mengutarakan empat peranan pengurusan kerja dan kehidupan *copreneurs* iaitu pengurusan masa, membuat keputusan, pembahagian tugas perniagaan dan permbahagian tugas isi rumah. Bersandarkan kajian kes kualitatif, kajian ini telah menemubual 14 informan lelaki dan wanita *copreneurs* yang menjalankan perniagaan bersama di Pulau Mabul, Sabah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keempat-empat peranan pengurusan kerja dan kehidupan didominasi oleh wanita *copreneurs*. Manakala, lelaki *copreneurs* pula dilihat sebagai berperanan kedua atau sampingan untuk membantu pasangan mereka. Tambahan lagi, kajian turut menemukan kawalan masa kerja, perniagaan daripada rumah dan sokongan peranan membantu *copreneurs* untuk mencapai keintegrasian kerja dan kehidupan mereka. Teori *Compensation* dan *Accommodation* diadaptasi untuk menganalisis hubung kait isu kerja dan kehidupan *copreneurs* ini. Teori *Compensation* ini wujud apabila individu berusaha untuk mencari penglibatan tinggi antara domain kerja dan kehidupan akibat tidak berpuas hati dengan domain lain yang lebih tertumpu terhadap lelaki *copreneurs*. Manakala, Teori *Accommodation* pula menumpukan terhadap wanita *copreneurs* apabila mereka terpaksa menghadkan penglibatan diri antara salah satu domain untuk memenuhi kekurangan domain lain. Kajian ini penting dalam memahami pengurusan kerja dan kehidupan dalam kalangan penduduk di luar bandar agar kehidupan dan peningkatan sosioekonomi mereka terus lestari.



ABSTRACT

WORK AND LIFE MANAGEMENT PRACTICES AMONG COPRENEURSHIP COMMUNITY IN PULAU MABUL, SABAH

This study aims to identify the work and life management practices among copreneurship communities in Pulau Mabul, Sabah. Copreneurship is a husband and wife business that shares responsibilities, commitments and goals together. Generally, copreneurship seeks to find a balance between career and life responsibilities, but they are also facing a work-life conflict when facing difficulty in managing business and family responsibilities. This is due to copreneurship business involves a personal circle of life overlapping between job and family relationships at once. The difference in role between female and male copreneurs on issues of work and life is still a question. Thus, this study presents four roles of work and life management include time management, decision-making, division of business tasks and the division of household duties among copreneurs in Pulau Mabul, Sabah. Based on a qualitative case study, this study has interviewed 14 male and female copreneurs who carry out joint business in Mabul Island. The findings show that the four roles of work and life management are dominated by female copreneurs. Meanwhile, male copreneurs are seen as second or secondary roles to help their spouses. Additionally, studies have also found control working time, home-based and roles support helping copreneurs to achieve their integration of work and their lives. This issue is adapted from the perspective of Compensation Theory and Accommodation which is seen to have links to work-life issues. Compensation Theory exists when individuals strive to find high engagement between work domains and life as a result of dissatisfaction with other domains. Thus, Accommodation Theory when individuals are forced to limit themselves to one domain to meet other deficiencies. Thus, male copreneurs in Mabul Island are seen in the Compensation process while female copreneurs are seen in the Accommodation process. This study is important in understanding work and life management among rural copreneurs so that their lives and socio-economic improvements continue to be sustainable.



SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xvi
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB 1 PENDAHULUAN	Halaman
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Permasalahan Kajian	3
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.7 Skop Kajian	9
1.8 Organisasi Bab Dalam Tesis	10
1.9 Kesimpulan	12



BAB 2 ISU KERJA-KEHIDUPAN DAN *COPRENEURSHIP*: SATU SOROTAN KRITIKAL

2.1	Pengenalan	13
2.2	Definisi Konseptual	13
2.2.1	Domain Kerja	13
2.2.2	Domain Kehidupan	14
2.2.3	Hubung Kait Antara Kerja dan Kehidupan	14
a.	Teori <i>Segmentation</i>	15
b.	Teori <i>Compensation</i>	15
c.	Teori <i>Spillover</i>	16
2.2.4	<i>Copreneurship</i>	17
2.3	Amalan Kerja dan Kehidupan	19
2.3.1	Konflik Kerja-Kehidupan	19
2.3.2	Integrasi Kerja-Kehidupan	21
2.4	Latar Belakang <i>Copreneurship</i>	23
2.4.1	Ciri-ciri <i>Copreneurship</i>	23
a.	Bersifat Kekeluargaan	23
b.	Berlandaskan Nilai Kepercayaan	24
c.	Perniagaan Alternatif Sampingan	25
d.	Potensi Perniagaan Generasi ke Generasi	25
2.4.2	Faktor-faktor Memulakan Perniagaan <i>Copreneurship</i>	26
a.	Kebebasan Bekerja Sendiri	27
b.	Kelangsungan Hidup	28



c.	Kualiti Masa Antara Keluarga dan Perniagaan	28
d.	Perniagaan Sebagai Gaya Pilihan Hidup	30
2.5	Isu Kerja dan Kehidupan Dalam Konteks <i>Copreneurships</i>	30
2.6	Peranan Pengurusan Kerja dan Kehidupan Lelaki dan Wanita <i>Copreneurs</i>	32
2.6.1	Pengurusan Masa	32
a.	Pengurusan Masa Bekerja Lelaki <i>Copreneurs</i>	34
b.	Pengurusan Masa Bekerja Wanita <i>Copreneurs</i>	35
2.6.2	Membuat Keputusan	36
a.	Peranan Membuat Keputusan Lelaki <i>Copreneurs</i>	36
b.	Peranan Membuat Keputusan Wanita <i>Copreneurs</i>	37
2.6.3	Pembahagian Tugas Perniagaan	38
a.	Pembahagian Tugas Perniagaan Lelaki <i>Copreneurs</i>	39
b.	Pembahagian Tugas Perniagaan Wanita <i>Copreneurs</i>	40
2.6.4	Pembahagian Tugas Isi Rumah	41
a.	Pembahagian Tugas Isi Rumah Wanita <i>Copreneurs</i>	42
b.	Pembahagian Tugas Isi Rumah Lelaki <i>Copreneurs</i>	43
2.7	Teori <i>Compensation</i> dan <i>Accommodation</i>	44
2.8	Kerangka Konseptual Kajian	47
2.9	Kesimpulan	51



BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	52
3.2	Kaedah Penyelidikan Kualitatif	52
3.3	Persoalan Kajian dan Objektif Kajian	54
3.4	Reka Bentuk Kajian	55
3.4.1	Kajian Kes	55
3.5	Teknik Persampelan	57
3.6	Pengendalian Kerja Lapangan	60
3.7	Kaedah Pengutipan Data	62
3.7.1	Kaedah Pengutipan Data Primer	62
a.	Temu Bual	62
3.7.2	Kaedah Pengutipan Data Sekunder	64
a.	Kajian Perpustakaan	64
b.	Kaedah Penyelidikan Melalui Internet	65
3.8	Kaedah Analisis Data	65
3.8.1	Kaedah Penganalisan Data	66
3.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan	69
3.9.1	Kesahan	69
a.	Bias Pengkaji	70
b.	Pengesahan Penyelia	70
3.9.2	Kebolehpercayaan	70
a.	Nota Lapangan	71
3.10	Pertimbangan Metodologi	71



3.11	Pertimbangan Etika	72
3.12	Kesimpulan	73
BAB 4	DAPATAN KAJIAN: PROFIL DAN PERANAN KERJA-KEHIDUPAN <i>COPRENEURSHIP</i>	
4.1	Pengenalan	74
4.2	Latar Belakang Pulau Mabul	74
4.3	Latar Belakang <i>Copreneurship</i>	75
4.3.1	Profil Demografi Informan	76
4.3.2	Profil Perniagaan <i>Copreneurship</i>	78
4.4	Peranan Pengurusan Kerja-Kehidupan <i>Copreneurs</i>	80
4.4.1	Pengurusan Masa	80
a.	Masa Bekerja Lama	80
b.	Pola Waktu Bekerja Perniagaan	82
c.	Komitmen Dua Pekerjaan Lelaki <i>Copreneurs</i>	85
d.	Pengurusan Masa Kerja Wanita <i>Copreneurs</i>	87
4.4.2	Membuat Keputusan	88
a.	Membuat Keputusan Domain Kerja	88
i)	Pembelian Barangan Runcit	89
ii)	Keputusan Menambah Menu Jualan	91
iii)	Pengubahsuaian Kedai	93
iv)	Menambah Premis Perniagaan	96
v)	Mencipta Barangan Baru	98
vi)	Mengatur Susunan dan Struktur Barangan	99



b.	Membuat Keputusan Domain Kehidupan	101
i)	Keputusan dalam Pengurusan Keluarga	102
4.4.3	Pembahagian Tugas Perniagaan	103
a.	Peruncitan	104
i)	Menyusun, Mengemas dan Melayan Pelanggan	104
ii)	Membeli dan Menambah Kuantiti Barangan Runcit	106
iii)	Mengubah Struktur Keluasan Kedai	108
b.	Kraftangan	109
i)	Reka Cipta Kraftangan	109
ii)	Pembelian Barangan Mutiara	110
iii)	Menjaga dan Mengurus Kedai	111
c.	Restoran dan Warung Makan	112
i)	Menyedia Menu Masakan	112
ii)	Tugas Melayan Pelanggan	113
iii)	Mengurus Kewangan Perniagaan	114
d.	Kedai Pakaian Terpakai	116
i)	Pembelian Pakaian Terpakai	116
ii)	Menjaga dan Memantau Kedai	116
4.4.4	Pembahagian Tugas Isi Rumah	117
a.	Melaksanakan Kerja Domestik Rumahtangga	117
b.	Mengurus Pendidikan Anak-anak	118



c.	Perbelanjaan Isi Rumah	120
d.	Pengurusan Rumah	121
4.5	Peranan Pasangan Lelaki dan Wanita <i>Copreneurs</i> Mempengaruhi Pola Kerja-Kehidupan	123
4.5.1	Pengurusan Masa	123
a.	Kawalan Masa Bekerja	123
4.5.2	Membuat Keputusan	125
a.	Perbincangan Bersama	126
4.5.3	Pembahagian Tugas Perniagaan	127
a.	Sokongan Daripada Pasangan	127
4.5.4	Pembahagian Tugas Isi Rumah	129
a.	Sokongan Adik Beradik	129
4.6	Kesimpulan	130

BAB 5 ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN DATA KAJIAN

5.1	Pengenalan	132
5.2	Analisis Profil <i>Copreneurship</i> di Pulau Mabul	132
5.2.1	Ciri-ciri <i>Copreneurship</i>	132
a.	Bersifat Kekeluargaan	133
b.	Berdasarkan Nilai Perkongsian	133
c.	Perniagaan Sebagai Kelangsungan Hidup	134
d.	Perniagaan Kekal	134
5.2.2	Faktor Memulakan Perniagaan <i>Copreneurship</i>	135



a.	Kebebasan Bekerja Sendiri	135
b.	Kelangsungan Hidup	136
c.	Meningkatkan Status Kehidupan Sosial	136
d.	Membantu Pasangan Hidup	137
e.	Peluang Perniagaan	137
5.3	Peranan Kerja-Kehidupan <i>Copreneurship</i> di Pulau Mabul	138
5.3.1	Pengurusan Masa	138
a.	Masa Bekerja Fleksibel	138
b.	Pengurusan Masa <i>Copreneurs</i>	140
5.3.2	Membuat Keputusan	142
a.	Membuat Keputusan Domain Kerja	142
b.	Membuat Keputusan Domain Kehidupan	143
5.3.3	Agihan Tugas Perniagaan Lelaki dan Wanita <i>Copreneurs</i>	145
a.	Tugas Operasi Rutin Perniagaan	145
b.	Tugas Perniagaan Lelaki <i>Copreneurs</i>	146
c.	Keselesaian Agihan Tugas Perniagaan <i>Copreneurs</i>	147
5.3.4	Pembahagian Tugas Isi Rumah	148
a.	Pendominasian Tugas Rumahtangga dan Kekeluargaan <i>Copreneurs</i>	148
5.4	Peranan Kerja-Kehidupan Terhadap Lelaki dan Wanita <i>Copreneurs</i>	149
5.5	Perbincangan Hasil Kajian	152
5.6	Pengadaptasian Teori <i>Compensation</i> dan <i>Accommodation</i> dengan Dapatan Kajian	155
5.6.1	Teori <i>Compensation</i> dan Dapatan Kajian	155



5.6.2	Teori <i>Accommodation</i> dan Dapatan Kajian	158
5.6.3	Pengadaptasian Teori <i>Compensation</i> dan <i>Accommodation</i> Terhadap Peranan Kerja dan Kehidupan <i>Copreneurs</i> di Pulau Mabul	159
5.7	Amalan Pengurusan Kerja dan Kehidupan <i>Copreneurs</i> di Pulau Mabul	162
5.8	Analisis Amalan Pengurusan Kerja dan Kehidupan Komuniti <i>Copreneurship</i> di Pulau Mabul	166
5.9	Kesimpulan	171
BAB 6	KESIMPULAN	
6.1	Pengenalan	172
6.2	Sumbangan Empirikal	172
6.2.1	Peranan Berganda Wanita <i>Copreneurs</i> Luar Bandar	173
6.2.2	Amalan Kerja dan Kehidupan Komuniti Pulau Mabul	175
6.3	Implikasi Kajian	177
6.3.1	Implikasi Teoritikal	177
6.3.2	Implikasi ke atas Peranan Kerajaan	179
6.4	Limitasi dan Cadangan Kajian Akan Datang	180
6.5	Kesimpulan	181
BIBLIOGRAFI		183
LAMPIRAN		195



SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 3.1	Jenis Perniagaan <i>Copreneurs</i> di Pulau Mabul	59
Jadual 3.2	Tema Peranan Pengurusan Kerja-Kehidupan dan Sub-Temanya	68
Jadual 4.1	Profil Demografi Informan	76
Jadual 4.2	Profil Perniagaan <i>Copreneurship</i>	78
Jadual 5.1	Isu-Isu Persekitaran Terhadap Tindakan <i>Copreneurship</i>	135
Jadual 5.2	Isu-Isu Attitudinal Terhadap Tindakan <i>Copreneurship</i>	157
Jadual 5.3	Persekitaran "Teras" Organisasi dan Organisasi Terhadap Persekitaran Kerja dan Kehidupan <i>Copreneurs</i> di Pulau Mabul	159
Jadual 5.4	Amalan Pengurusan Kerja dan Kehidupan <i>Copreneurs</i> di Pulau Mabul	165
Jadual 5.5	Amalan Amalan Pengurusan Kerja dan Kehidupan <i>Copreneurs</i> di Pulau Mabul	169



SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 2.1	Hubung kait Domain Kerja dan Kehidupan Melalui Teori <i>Compensation</i> dan <i>Accommodation</i>	47
Rajah 2.2	Kerangka Konseptual Kajian	48
Rajah 5.1	Perbandingan Sorotan Literatur dengan Dapatan Kajian Pendominasian Peranan Pengurusan Kerja dan Kehidupan <i>Copreneurs</i>	153
Rajah 5.2	Teori <i>Compensation</i> Terhadap Lelaki <i>Copreneurs</i>	155
Rajah 5.3	Teori <i>Accommodation</i> Terhadap Wanita <i>Copreneurs</i>	157
Rajah 5.4	Pengadaptasian Teori <i>Compensation</i> dan <i>Accommodation</i> Terhadap Peranan Kerja dan Kehidupan <i>Copreneurs</i> di Pulau Mabul.	159
Rajah 5.5	Amalan Pengurusan Kerja dan Kehidupan <i>Copreneurs</i> di Pulau Mabul	162
Rajah 5.6	Analisis Amalan Pengurusan Kerja dan Kehidupan Komuniti <i>Copreneurship</i> di Pulau Mabul	167



SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A Soalan Temu Bual

Halaman
196



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji amalan kerja dan kehidupan dalam kalangan *copreneurship* atau perniagaan pasangan suami dan isteri di Pulau Mabul, Sabah. Isu kerja dan kehidupan ini melibatkan tuntutan, peranan dan tanggungjawab terhadap domain kerja dan kehidupan bagi pekerja. Dengan menggunakan kaedah kualitatif, maka kajian ini melihat bagaimana amalan kerja dan kehidupan berlaku dalam konteks *copreneurship* pada masa kini. Trend pekerjaan yang menumpukan kepada konsep bekerja sendiri lazimnya melibatkan perniagaan kekeluargaan sudah pasti akan mempengaruhi tuntutan pekerjaan dan tanggungjawab keluarga seisi rumah.

Rentetan itu, kajian ini dilihat sebagai platform terhadap keharmonian hubungan pekerjaan dalam amalan pengurusan kerja dan kehidupan sesama keluarga sebagai rakan kongsi atau rakan sekerja dalam perniagaan yang dilihat mempunyai kepentingannya terhadap pembangunan sosioekonomi negara.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian mengenai isu kerja dan kehidupan semakin rancak dan giat dilakukan untuk menjaga keharmonian dan kelangsungan hidup bagi individu yang bekerja (Greenhaus dan Beutell, 1985; Noon dan Blyton, 2007; Helmle *et al.*, 2014; Dzurizah Ibrahim, 2015). Hal ini turut disokong oleh Noon dan Blyton (2007) yang menyatakan bahawa isu kerja dan kehidupan mempunyai kepentingannya terhadap individu, masyarakat dan organisasi. Jelaslah, isu kerja dan kehidupan merupakan

isu yang polemik dalam dunia pekerjaan tanpa mengira pekerjaan sektor formal atau informal akibat kerentetan ekonomi pada masa kini.

Berbeza dengan kajian sebelumnya, kajian ini memfokuskan isu kerja dan kehidupan ke atas perniagaan keluarga yang mempunyai kepentingannya untuk meningkatkan ekonomi negara, maka kajian ke atas isu kerja dan kehidupan masih perlu diberi perhatian. Ini amat penting dalam dunia pekerjaan yang membabitkan perniagaan keluarga untuk memberi satu wacana baharu terhadap isu kerja dan kehidupan yang perlu dilihat dengan lebih mendalam dalam usaha mencapai kelestarian dan keharmonian hubungan pekerjaan. Malah, kajian lepas berkenaan isu kerja dan kehidupan bagi pekerjaan yang memiliki penstrukturan pekerjaan tetap lazimnya sudah dilihat wujudnya pelbagai isu kerja dan kehidupan yang berlaku (Helmle *et al.*, 2014). Justeru, kajian ini memfokuskan ke arah jenis perniagaan keluarga terutama *copreneurship* khususnya di Pulau Mabul yang dilihat sebagai salah satu pekerjaan yang memiliki kondisi pekerjaan tidak standard. Di samping itu, spesifikasi kajian ini turut menumpukan ke arah kajian kes kawasan kepulauan yang terkenal dan rancak sebagai pusat pelancongan ekoran wujudnya pelbagai kegiatan sosioekonomi masyarakat setempat.

Sejarah dalam mengenali istilah *copreneurship* telah diperkenalkan oleh Barnett dan Barnett (1989) yang bermaksud pasangan suami dan isteri yang menjalankan perniagaan bersama dengan penuh tanggungjawab, komitmen dan hak milik bersama. Tumpuan kajian ini adalah ke atas golongan *copreneurship* kerana golongan ini memiliki kepentingannya terhadap kelangsungan hidup dalam kegiatan sosio-ekonomi untuk melestarikan keharmonian kerja dan kehidupan di luar bandar. Tambahan lagi, Helmle *et al.* (2011) dan Carnicer *et al.* (2004) menyifatkan bahawa kajian bersabit isu kerja dan kehidupan perlu diambil perhatian terutama bagi perniagaan melibatkan pasangan suami dan isteri yang perlu dilihat dengan lebih mendalam secara individu. Hakikatnya, kajian mengenai isu kerja dan kehidupan dalam konteks *copreneurship* atau perniagaan suami dan isteri masih perlu diambil perhatian dalam penyelidikan. Secara tidak langsung, kajian ini membuka ruang disiplin baru dalam penyelidikan untuk mengenal pasti

dan mengupas isu kerja dan kehidupan dalam kalangan *copreneurship* di Pulau Mabul, Sabah.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Amalan kerja dan kehidupan amat penting dalam usaha melestarikan kesejahteraan pekerja, keluarga, isi rumah, masyarakat dan negara keseluruhannya (Dzurizah Ibrahim, 2015). Senario ini lebih menumpukan ke arah pelaksanaan kerja dan kehidupan apabila berhadapan pelbagai tuntutan domain kerja dan kehidupan dalam dunia pekerjaan pada masa kini. Amalan kerja dan kehidupan dapat ditelusuri melalui peningkatan demografi dalam pasaran buruh, peningkatan masa bekerja lebih lama dan perubahan intensiti kerja yang semakin mencabar yang membawa sarjana dan pengamal untuk memberi tumpuan terhadap isu mengenai kerja dan kehidupan (Kossek dan Distelberg, 2009). Hal ini kerana, isu kerja dan kehidupan amat penting dalam hubungan pekerjaan yang mempengaruhi kepuasan pekerjaan, motivasi, prestasi serta komitmen dalam pekerjaan (Crawford *et al.*, 2010). Rentetan itu, ini penting bagi keharmonian dalam hubungan pekerjaan agar dapat melaksanakan domain kerja dan kehidupan dengan mengurangkan dan meminimumkan konflik kerja dan kehidupan.

Kajian ini memfokuskan ke atas golongan *copreneurship* atau perniagaan pasangan suami dan isteri yang mengusahakan perniagaan sendiri secara langsung. Tergolong dalam jenis perniagaan keluarga (Rutherford *et al.*, 2006), *copreneurship* merupakan perniagaan bersama pasangan suami dan isteri yang berkongsi komitmen, matlamat dan tanggungjawab untuk menjalankan perniagaan bersama-sama (Barnett dan Barnett, 1989). Jenis perniagaan ini semakin berkembang dan membentuk trend pekerjaan melalui aktiviti keusahawanan sekitar tahun 1990-an bagi mencorak fenomena keusahawanan pada abad ke-21 (Raiha *et al.*, 2015). Isu kerja dan kehidupan ke atas golongan *copreneurship* ini lazimnya berhadapan isu untuk mengintegrasikan peranan antara domain kerja dan kehidupan (Helmle *et al.*, 2014; Smith, 2000; Fitzgerald dan Muske, 2002). Daripada kenyataan ini, golongan *copreneurship* juga merupakan pekerjaan yang tidak terlepas berdepan isu kerja dan kehidupan kerana mempunyai hubungan

pekerjaan yang melibatkan ahli keluarga sebagai rakan kongsi perniagaan terutamanya antara pasangan suami dan isteri.

Melalui kajian Tompson dan Tompson (2000) serta Smith (2000) bahawa hubungan perniagaan dan kekeluargaan boleh wujud bersama-sama apabila perniagaan keusahawanan boleh menggabungkan tanggungjawab kerjaya dan kekeluargaan. Hal ini kerana, *copreneurship* bertujuan untuk mengintegrasikan dan mengharmonikan domain kerja dan kehidupan dengan lebih teratur (Smith, 2000). Lazimnya, *copreneurship* bertujuan untuk mengendalikan domain kerja dan kehidupan agar lebih fleksibel untuk pengurusan diri, keluarga dan anak-anak.

Tambahan pula, bekerja sendiri menjadi pilihan yang terbaik bagi seseorang isi rumah daripada bekerja bersama orang luar (Barnett dan Barnett, 1988). Malah, perniagaan keluarga ini menjadi sumber ekonomi keluarga yang mampu menyumbang terhadap pendidikan anak-anak dan perbelanjaan isi rumah (Raiha *et al.*, 2015). Jelaslah, pasangan *copreneurs* memainkan peranan dan tanggungjawab kerja dan bukan kerja untuk mencapai keharmonian antara kerja dan kehidupan agar lebih fleksibel dan teratur. Pilihan bekerja bersama pasangan untuk mengusahakan perniagaan secara tidak langsung membantu memudahkan *copreneurs* membuat agihan terhadap tugas perniagaan dan hal ehwal rumahtangga mereka.

Walau bagaimanapun, isu kerja dan kehidupan dalam kalangan *copreneurs* ini juga turut mendatangkan konflik kerja dan kehidupan. Ini dapat dilihat menerusi Allen (2013), Greenhaus dan Allen (2010) dan Carnicer *et al.* (2004) yang menjelaskan bahawa pasangan suami dan isteri yang mengendalikan perniagaan bersama ini juga tidak terlepas berhadapan kesukaran menguruskan batasan antara perihal kerjaya dan kehidupan mereka. Kewujudan perbezaan peranan antara lelaki dan wanita *copreneurs* terhadap tuntutan domain kerja dan kehidupan boleh menyebabkan berlakunya pertindihan peranan domain antara kedua belah pihak.

Sehubungan dengan itu, kajian lepas menunjukkan terdapat amalan tradisional yang berlaku antara pasangan *copreneurs* dari segi konteks pekerjaan dengan memperincikan setiap agihan peranan yang berlaku antara lelaki dan wanita *copreneurs*. Hal ini dapat ditelusuri melalui agihan tugas perniagaan dan rumahtangga (Sharma, 2004; Fitzgerald dan Muske, 2002; Smith, 2000; Tompson *et al.*, 2000), pengurusan masa perniagaan yang lama (Gray, 2008; Smith, 2000; Marshack, 1993), autonomi membuat keputusan perniagaan dan rumahtangga (Smith, 2000; Ponthieu dan Caudill, 1993) antara lelaki dan wanita *copreneurs*. Senario ini sudah pasti memberi implikasi terhadap wanita *copreneurs* dari aspek pengagihan tugas yang tidak sama rata yang akhirnya mendatangkan konflik antara pasangan *copreneurs* (Raiha *et al.*, 2015). Ini jelas memberi gambaran dalam konteks pekerjaan *copreneurs* bahawa bekerja bersama sudah pasti berdepan cara atau gaya pengurusan perniagaan yang berbeza, agihan tugas domestik dan rumahtangga, autonomi membuat keputusan dan kekangan menguruskan masa bersama keluarga. Situasi ini memperlihatkan masih wujudnya perbezaan peranan dan tanggungjawab antara domain yang mengundang tekanan atau konflik kerja dan kehidupan meskipun mereka mengusahakan perniagaan di bawah bumbung dan premis perniagaan yang sama. Ini turut disokong oleh Raiha *et al.* (2015) bahawa jenis perniagaan *copreneurship* ini mewujudkan satu lingkaran peribadi yang bertindan antara tanggungjawab perniagaan dan rumahtangga.

Pelbagai kajian lepas membincangkan isu kerja dan kehidupan dalam konteks organisasi besar yang melibatkan sektor awam dan swasta menunjukkan jurang kajian yang luas. Lebih terperinci, misalnya kajian lepas mengenai isu kerja dan kehidupan tertumpu terhadap salah satu sektor awam misalnya sektor keselamatan iaitu polis (Deepati Prashant, 2014; Simon Easton *et al.*, 2013; Duxbury dan Higgins, 2012; Bushara Bano, 2011; Serdar Yildiz, 2008), sektor pendidikan (Debasis Pani, 2014; Arvins *et al.*, 2015; Dzurizah Ibrahim, 2015; Vandana Punia dan Meenakshi Kamboj, 2013; Maeran *et al.*, 2013; Dhruv Kumar dan J.M Deo, 2011; Subburethina *et al.*, 2010). Hal ini juga sama ertinya melalui kajian isu kerja dan kehidupan terhadap sektor swasta turut memperlihatkan jurang kajian yang luas.